

Bahagian A

[20 markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Arahan: Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

Soalan 1 hingga 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Nurul Aqila pulang lewat hari ini _____
perlu menghadiri kelas tambahan di sekolah.
A lalu C kerana
B supaya D malahan
2. Kami _____ apabila ternampak
seorang pemuda meragut beg seorang wanita
tua di tepi jalan.
A terkilan C tercengang
B terpegun D terkejut
3. Puan Syazwani _____ sepatu hitam
suaminya dengan sehelai tuala.
A menggosok C mengusap
B menggilap D mengurut

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



4. Pasukan penyelamat sedang mencari mangsa
gempa bumi yang masih _____ di
bawah runtuh bangunan.
A tertimpa C tertimbus
B terbenam D tertindih
5. Ketika Ustaz Hadi menuju ke surau, kedengaran
_____ suara tangisan bayi.
A jauh-jauh C samar-samar
B sayup-sayup D lambat-lambat

Soalan 6 hingga 9

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu ditanda dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

6. Rakyat diseru agar membeli barangan
A
tempatan demi untuk mengurangkan
B
pengaliran wang ke luar negara. Tiada kesalahan
C D
7. Mak Nab memasakkan asam pedas untuk
A
kawan-kawan anaknya yang baru tiba
B
dari Bintulu. Tiada kesalahan
C D
8. Ayah menceritakan tentang pengalamannya
A
ketika bertugas sebagai seorang tentera.
B C
Tiada kesalahan
D
9. Kakak asyik menonton rancangan kartun
A
menyebabkan tomato sos yang dituang
B
tertumpah di atas lantai. Tiada kesalahan
C D

Soalan 10 hingga 11

Pilih ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

10. I Suasana di tapak perhimpunan menjadi
heboh kerana seorang murid tiba-tiba
pengsan.
II Peristiwa penculikan itu telah *heboh*
diperkatakan orang.

- III Sungguh *heboh* bunyi letupan morcun malam tadi.
 IV Akmal ketawa terbatah-batah sehingga *heboh* bibir mulutnya.
 A I dan II sahaja
 B II dan IV sahaja
 C I, II dan II sahaja
 D II, III dan IV sahaja

11. I Cikgu Azli berjaya *meredakan* ketegangan yang berlaku antara beberapa peserta larian itu.
 II Tina *meredakan* tawanya apabila dijeling oleh ibunya.
 III Berita itu *meredakan* rasa gelisah dalam hatinya.
 IV Dia *meredakan* kedua-dua belah tangannya.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 12 hingga 13

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

12. Liana murid yang paling terpinar sekali di kelas Tingkatan 3 Baiduri.
 A paling pintar
 B paling terpinar
 C terpinar sekali
 D paling terpinar sekali
13. Kakak dan kawan-kawannya mungkin pergi ke Johor atau ke Melaka.
 A ke Johor sambil ke Melaka
 B ke Johor lalu ke Melaka
 C ke Johor atau Melaka
 D ke Johor atau ke Melaka

Soalan 14

Pilih ayat-ayat yang betul.

14. I Profesor itu memperkatakan penemuan baharunya.
 II Usah mempersendakan segala kerja keras kami.
 III Pihak kerajaan akan memperbesarkan longkang sebagai salah satu usaha mengatasi masalah banjir kilat.
 IV Pihak pemaju berjanji akan memperindahkan taman rekreasi itu.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 15

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

15. Setiap negara mempunyai lagu kebangsaan tersendiri yang melambangkan kebanggaan dan kedaulatan negara itu.
 A Bagi melambangkan kedaulatan dan kebanggaan, setiap negara mempunyai lagu kebangsaan masing-masing.
 B Lagu kebangsaan berfungsi untuk melambangkan kebanggaan dan kedaulatan sesebuah negara.
 C Kebanggaan dan kedaulatan negara tidak dapat diterjemah tanpa lagu kebangsaan.
 D Kedaulatan sesebuah negara tiada ertinya jika negara itu tidak mempunyai lagu kebangsaan yang membanggakan.

Soalan 16

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

16. Akhirnya, Mimi dan kakaknya berbaik semula setelah mengenal pasti pihak yang menghasut mereka supaya bergaduh. Keadaan mereka ini dikatakan
 A bertanam tebu di tepi bibir.
 B berkerat rotan, berpatah arang.
 C biduk lalu kiambang bertaut.
 D bersatu teguh, bercerai roboh.